

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 1033-1042

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.646>

## **IKLIM SEKOLAH DAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH DI KELANTAN**

**Hasliza Binti Ibrahim**

**Siti Noor Binti Ismail**

**Mohamad Adnan Bin Mohamad Kassim**

**Suhaila Binti Mohamad**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

---

**ABSTRAK:** Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara iklim sekolah dan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling di negeri Kelantan. Responden kajian adalah terdiri daripada 181 orang guru bimbingan dan kaunseling Sekolah Menengah di negeri Kelantan. Kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang guru bimbingan dan kaunseling di daerah Tanah Merah. Secara spesifiknya, kaedah kuantitatif digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Maklum balas melalui soal selidik telah diperolehi dan seterusnya data dianalisis menggunakan Perisian Program SPSS 20.0 yang mana melibatkan nilai Min, Sisihan Piawai, ujian t dan korelasi Pearson. Instrumen yang digunakan didalam kajian ini diambil dan diubahsuai dari soal selidik Tahap Persekitaran sekolah (SLEQ) oleh Johnson dan Steven (2007). Instrumen bagi mengukur efikasi guru bimbingan dan kaunseling pula menggunakan instrumen yang diambil daripada School Counselor Self Efficacy Scale (SCSE) yang diadaptasi daripada Bodenhorn & Skaggs(2005). Dapatan daripada ujian korelasi Pearson menunjukkan iklim sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru bimbingan dan kaunseling. Dapatan kajian juga menunjukkan dimensi perhubungan pelajar mempunyai hubungan yang paling kuat berbanding dimensi lain dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Seterusnya dapatan kajian ini juga mendapati bahawa iklim sekolah merupakan peramal kepada efikasi guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Akhir sekali, implikasi kajian diperincikan agar ianya dapat memberikan sumbangan kepada bidang ilmiah penyelidikan pendidikan.

**KATA KUNCI:** Iklim sekolah, efikasi sendiri, guru bimbingan dan kaunseling

---

### **PENGENALAN**

Bermula tahun 1997, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penempatan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di semua sekolah menengah di Malaysia. Penerimaan masyarakat adalah positif walaupun pada masa itu, amalan kaunseling masih lagi baru di Malaysia. Namun kini, pelaksanaannya telah hampir mencapai 20 tahun tetapi guru bimbingan dan kaunseling masih lagi berusaha untuk mempertahankan “sepuh masa” yang diberi kepada mereka. Guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa bermaksud menjalankan tugas bimbingan dan kaunseling sepenuh masa tanpa perlu mengajar di sekolah. Mereka juga memainkan peranan penting ke arah pembentukan sahsiah pelajar, budaya serta iklim sekolah yang positif.

Iklim sekolah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan sekolah dan pencapaian pelajar (Pashiardis, 2000). Sekolah yang mempunyai kecemerlangan dalam bidang akademik adalah sekolah di mana gurunya menetapkan matlamat yang tinggi tetapi boleh dicapai oleh pelajar, guru menaruh kepercayaan terhadap kebolehan pelajar untuk mencapai kejayaan dan pelajar pula berusaha gigih dan hormat kepada mereka yang berjaya dalam pelajaran. Kesemua ini adalah bermula dari iklim sekolah yang positif (Page, 2002).

Sebuah sekolah yang berkesan tidak hanya bergantung kepada pencapaian sekolah sahaja, tetapi ianya harus bermula dengan peranan yang dimainkan oleh guru-guru yang menjadi pendokong utama. Sekolah sebagai sebuah organisasi dan guru sebagai ahli yang bekerja di dalamnya. Guru-guru hendaklah diurus secara berkemampuan. Hussein Mahmood (2008) menyatakan bahawa jika berbicara mengenai organisasi, faktor manusia dan kemanusiaan tidak boleh diasingkan. Era globalisasi, dunia tanpa sempadan menyaksikan peranan guru yang semakin mencabar. Beban guru semakin berat sehingga menuntut kesabaran dan kebertanggungjawaban yang hebat (Mohd Kamal Hassan, 2011). Kesiapan para guru menghadapi cabaran tanggungjawab serta senario murid masa kini secara tidak langsung dipengaruhi oleh kepercayaan guru terhadap keupayaan serta kemampuan diri dalam menjalankan tanggungjawab tersebut. Kepercayaan peribadi inilah yang dikenali sebagai efikasi sendiri (Bandura, 1994 ; Henson et al.,2000; Ross,1995).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Iklm sekolah dan efikasi sendiri dilihat sebagai faktor penting dan kuat pengaruhnya dalam menentukan kemampuan dan kecekapan guru bimbingan dan kaunseling dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka (Suzana Haron,Wan Marzuki Wan Jaafar, & Maznah Jaafar,2010). Sementara itu,Bandura (1986) menyatakan efikasi sendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi, bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri rendah (Wood & Bandura, 1989).

Kajian-kajian lalu telah menunjukkan efikasi sendiri mempunyai perkaitan dengan kejayaan pemimpin dan individu (Bandura, 1977; Hoy & Woolfolk, 1993). Salah satu aspek penting yang mempengaruhi guru dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai seorang tenaga pengajar ialah efikasi-kendirinya. Bandura (1986) telah mendefinisikan efikasi sendiri sebagai; "pertimbangan (*judgements*) seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Menurut Bandura (1986), efikasi-kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi-kendiri tinggi, lebih rajin bekerja dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama berbanding individu yang mempunyai efikasi-kendiri rendah (Wood & Bandura, 1989). Justeru kajian perlu dijalankan ke atas guru bimbingan dan kaunseling untuk melihat tahap efikasi guru bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Di negara kita Malaysia, kajian berkaitan iklim sekolah dan efikasi sendiri guru masih berkurangan. Kajian yang melibatkan iklim sekolah dan efikasi sendiri guru banyak dijalankan di luar iaitu Indonesia. Terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan terhadap efikasi sendiri guru tetapi melibatkan pembolehubah yang lain seperti efikasi sendiri berkaitan dengan keberkesanan latihan (Earley, 1994), kesungguhan dan kecekalan individu (Barling & Beattie, 1983), pencapaian prestasi sebenar individu (Locke et al., 1984), kehadiran kerja (Frayne & Latham, 1987), pemilihan dan pembangunan kerjaya (Betz & Hacket, 1981) dan prestasi jualan (Barling & Beattie, 1983). Seterusnya, Stadjkovic dan Luthans (1998) telah mendapati bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi sendiri dengan prestasi kerja.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap iklim dan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah negeri Kelantan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui hubungan iklim sekolah dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Negeri Kelantan.

## METODOLOGI KAJIAN

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada guru bimbingan dan kaunseling yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di negeri Kelantan. Populasi kajian adalah seramai 335 orang guru bimbingan dan kaunseling seluruh negeri Kelantan yang bertugas di sekolah menengah. Instrumen iklim sekolah diambil dan diubah suai dari soal selidik Tahap Persekitaran Sekolah (SLEQ) dari kajian yang dibuat oleh Johnson dan Stevens (2007) dan seterusnya pengkaji membuat terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia. Dalam soal selidik ini terdapat 5 dimensi utama bagi mengukur iklim sekolah iaitu kolaboratif, membuat keputusan, inovasi pengajaran, perhubungan pelajar dan sumber sekolah. SLEQ mempunyai 21 item dalam 5 dimensi iaitu Kolaboratif (6 item), Membuat Keputusan (3 item), Inovasi Pengajaran (4 item), Perhubungan Pelajar (4 item) dan Sumber Sekolah (4 item). Bagi tujuan kajian ini iaitu untuk mengetahui tahap iklim sekolah, maka pengkaji menggunakan instrumen dari dimensi-dimensi yang diketengahkan oleh Johnson & Stevens (2007). Bahagian C pula berkaitan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Instrumen yang digunakan adalah diambil daripada School Counselor Self Efficacy Scale (SCSE) dan diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Bodernhorn & Skaggs (2005). Instrumen ini mengandungi 43 item.

## KEPUTUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, sampel kajian ini adalah terdiri daripada 335 orang guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah seluruh negeri Kelantan. Berdasarkan jumlah ini, guru bimbingan dan kaunseling lelaki adalah berjumlah 90 orang dan guru bimbingan dan kaunseling perempuan adalah seramai 91 orang.

H01: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam efikasi sendiri Guru bimbingan dan kaunseling berdasarkan jantina.

**Jadual 1**  
**Keputusan Ujian t Mengikut Jantina**

Jantina	N	M	SP	df	t	p
Lelaki	90	4.28	0.37	179	0.54	0.585
Perempuan	91	4.25	0.34			

Berdasarkan Jadual 1, statistik ujian  $t(179) = 1.75$ ,  $p = 0.585$ . Ini menunjukkan nilai  $P > .05$ . Oleh itu, hipotesis null gagal ditolak. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap iklim sekolah antara guru lelaki dan guru perempuan.

H02 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara iklim sekolah dengan efikasi sendiri guru.

**Jadual 2**  
**Interpretasi Nilai Pekali Korelasi**

Nilai pekali korelasi (r)	Tafsiran pekali
1.0	Sempurna
0.80 - 0.99	Sangat Kuat
0.60 - 0.79	Kuat
0.40 - 0.59	Sederhana
0.2 - 0.39	Lemah
0.01- 0.19	Sangat Lemah
0.0	Tiada Hubungan

(Sumber: Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014)

**Jadual 3**  
**Nilai Pekali Korelasi Iklim Sekolah Dan Efikasi Guru**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Nilai r dengan Efikasi</b>	<b>Tahap hubungan</b>
Iklim sekolah	.242**	Lemah

\*\*P < 0.01 , \* P < 0.05

Daripada Jadual 3, nilai pekali korelasi ialah .242. Ini menunjukkan bahawa wujud hubungan positif yang lemah, tetapi pasti ada antara iklim sekolah dan efikasi guru. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan  $r = .242$ , ( $p = 0.01$ ). Oleh itu hipotesis null ditolak kerana wujud hubungan yang signifikan antara iklim sekolah dengan efikasi guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah negeri Kelantan.

**Jadual 4**  
**Korelasi Pearson (r) Antara Dimensi Iklim Sekolah dengan Efikasi Guru Bimbingan dan Kaunseling.**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Efikasi Guru</b>	<b>Tahap Hubungan</b>
Kolaboratif	.114	Lemah
Perhubungan Pelajar	.261**	Lemah
Sumber Sekolah	.143	Sangat Lemah
Membuat Keputusan	.080	Sangat Lemah
Inovasi Pengajaran	.087	Sangat Lemah

\*\* P < 0.01 , \*P<0.05

Berdasarkan kepada Jadual 4 juga menunjukkan korelasi antara iklim sekolah dengan efikasi sendiri. Dapatan menunjukkan dimensi perhubungan pelajar mempunyai hubungan positif yang signifikan. Analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan kekuatan hubungan yang lemah didapati antara dimensi ini ( $r = 0.26$ ,  $p < .01$ ) dengan efikasi guru.

Dapatan juga menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dan ianya lemah antara dimensi Kolaboratif ( $r = 0.11$ ,  $p < .05$ ) dengan efikasi sendiri guru. Keputusan berbeza diperolehi bagi dimensi Sumber Sekolah ( $r = 0.14$ ,  $p < .05$ ), membuat keputusan ( $r = 0.080$ ,  $p < .05$ ) dan inovasi pengajaran ( $r = 0.087$ ,  $p < .05$ ). Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan efikasi guru dan kekuatan hubungan yang sangat lemah.

#### **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Berdasarkan dapatan kajian, tahap iklim di sekolah menengah di negeri Kelantan adalah sederhana iaitu min adalah sebanyak 3.33 (tahap sederhana) dengan sisihan piawainya adalah sebanyak 0.27 ( $M = 3.33$ ,  $SP = 0.27$ ). Ini menunjukkan bahawa iklim di sekolah-sekolah negeri Kelantan berada pada tahap sederhana sahaja. Walau bagaimanapun min bagi efikasi guru bimbingan dan kaunseling pula adalah tinggi ( $M = 4.27$ ,  $SP = 0.36$ ) menunjukkan bahawa meskipun iklim sekolah sederhana sahaja tetapi guru bimbingan dan kaunseling sentiasa mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah.

Berdasarkan analisis dapatan kajian juga, didapati min bagi dimensi perhubungan pelajar berada di tahap tinggi iaitu 4.14 ( $M=4.14$ ,  $SP=.534$ ). Sebaliknya bagi empat lagi dimensi menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana. Dimensi kolaboratif ( $M=3.71$ ,  $SP=.346$ ), dimensi sumber sekolah ( $M=3.27$ ,  $SP=.629$ ). Keadaan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa guru bimbingan dan kaunseling memang mempunyai hubungan secara langsung dengan para pelajar. Pelajar adalah menjadi keutamaan dalam bidang tugas guru bimbingan dan kaunseling.

Selain itu, berdasarkan analisis profil responden juga mendapati bahawa 90.5 peratus (96.5%) guru bimbingan dan kaunseling mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pengkhususan mereka sementara hanya 9.4 peratus (9.4%) tidak mempunyai minat dalam bidang bimbingan kaunseling. Hal ini turut menyumbang kepada tahap efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Suzana Haron, Wan Marzuki Wan Jaafar, & Maznah Jaafar (2010), bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Justeru beliau mencadangkan agar guru-guru kaunseling menguasai ilmu melalui pelbagai kaedah seperti meningkatkan kemahiran komunikasi, mengadakan kumpulan-kumpulan perbincangan dan serta peningkatan dan perkongsian ilmu melalui kursus, seminar profesionalisme kaunseling dan perbengkelan amalan kaunseling di sekolah sama ada secara teori mahupun praktikal atau klinikal.

Berdasarkan ujian korelasi untuk menguji hubungan antara iklim sekolah dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling, nilai pekali korelasi ialah .242. Ia menunjukkan bahawa wujud hubungan positif yang antara iklim sekolah dan efikasi guru. Ini menunjukkan bahawa iklim sekolah mempunyai pengaruh ke atas efikasi guru bimbingan dan kaunseling. Iklim sekolah yang baik akan membantu meningkatkan keupayaan diri guru bimbingan dan kaunseling. Ciri-ciri iklim sekolah seperti persekitaran sekolah yang kondusif, hubungan yang baik antara pentadbir, guru-guru dan pelajar pasti akan meningkatkan efikasi guru bimbingan dan kaunseling. Hasil penyelidikan ini juga selari dengan Ahmad Zabidi Abd Razak (2006), membuktikan bahawa sekolah yang bersih, indah akan mewujudkan rasa selamat, tenang, aman dan sudah tentu pelajar berminat untuk belajar dan guru-guru sentiasa bersemangat untuk bekerja.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Turan (1998) yang mendapati bahawa iklim organisasi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan komitmen organisasi guru. Dapatan kajian beliau menunjukkan guru yang mengajar di Sekolah Persendirian di Turki mempunyai pengetahuan daripada segi isi kandungan mata pelajaran, pedagogi dan kemahiran mengendalikan murid-murid, akan memberi kesan kepada pencapaian akademik murid seterusnya pencapaian sekolah. Guru juga memberikan komitmen yang tinggi dalam tugas mereka.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Taylor dan Tashakkori (1994) yang mengkaji tentang hubungan antara penglibatan guru dalam membuat keputusan dan iklim sekolah ke atas efikasi guru dan kepuasan kerja. Kajian ini mendapati bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan relatif yang kuat ke atas efikasi guru dan kepuasan kerja guru. Kajian oleh Lawrence (1999) juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara keberkesanan guru dan iklim organisasi. Iklim sekolah yang positif akan memberikan ruang kepada guru untuk meningkatkan keberkesanan mereka menjalankan tugas dan seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar.

Seterusnya dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006) yang membincangkan isu berkenaan punca kelemahan prestasi akademik pelajar yang turut dikaitkan dengan sekolah yang melibatkan kepimpinan, pengurusan strategik, iklim serta persekitaran sekolah. Beliau telah mengkaji ciri-ciri iklim sekolah yang berkesan dan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran pelajar dengan kajian kes di beberapa sekolah agama di negeri Selangor. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa iklim yang berkaitan dengan pengamalan cara hidup Islam dalam kalangan warga sekolah merupakan ciri iklim sekolah menengah agama berkesan dan dominan berbanding lain-lain ciri iklim sekolah berkesan.

Sekolah yang membudayakan kehidupan beragama ternyata membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Keadaan ini secara langsung akan memberi impak kepada efikasi guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Saikia dan Goswani (2010) yang mendapati bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan guru.

Berdasarkan dapatan kajian, tahap iklim di sekolah menengah di negeri Kelantan adalah sederhana iaitu min adalah sebanyak 3.33 (tahap sederhana) dengan sisihan piawainya adalah sebanyak 0.27 ( $M= 3.33$ ,  $SP = 0.27$ ). Ini menunjukkan bahawa iklim di sekolah-sekolah negeri Kelantan berada pada tahap sederhana sahaja. Walau bagaimanapun min bagi efikasi guru bimbingan dan kaunseling pula adalah tinggi ( $M=4.27$ ,  $SP=0.36$ ) menunjukkan bahawa meskipun iklim sekolah sederhana sahaja tetapi guru bimbingan dan kaunseling sentiasa mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah.

Berdasarkan analisis dapatan kajian juga, didapati min bagi dimensi perhubungan pelajar berada di tahap tinggi iaitu 4.14 ( $M=4.14$ ,  $SP=.534$ ). Sebaliknya bagi empat lagi dimensi menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana. Dimensi kolaboratif ( $M=3.71$ ,  $SP=.346$ ), dimensi sumber sekolah ( $M=3.27$ ,  $SP=.629$ ). Keadaan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa guru bimbingan dan kaunseling memang mempunyai hubungan secara langsung dengan para pelajar. Pelajar adalah menjadi keutamaan dalam bidang tugas guru bimbingan dan kaunseling.

Selain itu, berdasarkan analisis profil responden juga mendapati bahawa 90.5 peratus (96.5%) guru bimbingan dan kaunseling mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pengkhususan mereka sementara hanya 9.4 peratus (9.4%) tidak mempunyai minat dalam bidang bimbingan kaunseling. Hal ini turut menyumbang kepada tahap efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Suzana Haron, Wan Marzuki Wan Jaafar, & Maznah Jaafar (2010), bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling. Justeru beliau mencadangkan agar guru-guru kaunseling menguasai ilmu melalui pelbagai kaedah seperti meningkatkan kemahiran komunikasi, mengadakan kumpulan-kumpulan perbincangan dan serta peningkatan dan perkongsian ilmu melalui kursus, seminar profesionalisme kaunseling dan perbengkelan amalan kaunseling di sekolah sama ada secara teori mahupun praktikal atau klinikal.

Berdasarkan ujian korelasi untuk menguji hubungan antara iklim sekolah dengan efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling, nilai pekali korelasi ialah .242. Ia menunjukkan bahawa wujud hubungan positif yang antara iklim sekolah dan efikasi guru. Ini menunjukkan bahawa iklim sekolah mempunyai pengaruh ke atas efikasi guru bimbingan dan kaunseling. Iklim sekolah yang baik akan membantu meningkatkan keupayaan diri guru bimbingan dan kaunseling. Ciri-ciri iklim sekolah seperti persekitaran sekolah yang kondusif, hubungan yang baik antara pentadbir, guru-guru dan pelajar pasti akan meningkatkan efikasi guru bimbingan dan kaunseling. Hasil penyelidikan ini juga selari dengan Ahmad Zabidi Abd Razak (2006), membuktikan bahawa sekolah yang bersih, indah akan mewujudkan rasa selamat, tenang, aman dan sudah tentu pelajar berminat untuk belajar dan guru-guru sentiasa bersemangat untuk bekerja.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Turan (1998) yang mendapati bahawa iklim organisasi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan komitmen organisasi guru. Dapatan kajian beliau menunjukkan guru yang mengajar di Sekolah Persendirian di Turki mempunyai pengetahuan daripada segi isi kandungan mata pelajaran, pedagogi dan kemahiran mengendalikan murid-murid, akan memberi kesan kepada pencapaian akademik murid seterusnya pencapaian sekolah. Guru juga memberikan komitmen yang tinggi dalam tugas mereka.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Taylor dan Tashakkori (1994) yang mengkaji tentang hubungan antara penglibatan guru dalam membuat keputusan dan iklim sekolah ke atas efikasi guru dan kepuasan kerja. Kajian ini mendapati bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan relatif yang kuat ke atas efikasi guru dan kepuasan kerja guru. Kajian oleh Lawrence (1999) juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara keberkesanan guru dan iklim organisasi. Iklim sekolah yang positif akan

memberikan ruang kepada guru untuk meningkatkan keberkesanan mereka menjalankan tugas dan seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar.

Seterusnya dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006) yang membincangkan isu berkenaan punca kelemahan prestasi akademik pelajar yang turut dikaitkan dengan sekolah yang melibatkan kepimpinan, pengurusan strategik, iklim serta persekitaran sekolah. Beliau telah mengkaji ciri-ciri iklim sekolah yang berkesan dan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran pelajar dengan kajian kes di beberapa sekolah agama di negeri Selangor. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa iklim yang berkaitan dengan pengamalan cara hidup Islam dalam kalangan warga sekolah merupakan ciri iklim sekolah menengah agama berkesan dan dominan berbanding lain-lain ciri iklim sekolah berkesan. Sekolah yang membudayakan kehidupan beragama ternyata membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Keadaan ini secara langsung akan memberi impak kepada efikasi guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Saikia dan Goswani (2010) yang mendapati bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan guru. Dapatan kajian menunjukkan keperluan kepada pemahaman akan kepentingan iklim sekolah yang baik sama ada dari segi fizikal bangunan, persekitaran sekolah, budaya yang diamalkan, interaksi antara guru-guru dan pelajar akan memberi impak yang besar ke atas orang yang terlibat secara langsung sama ada pelajar, staf serta guru-guru. Kesannya cukup besar terutama kepada guru dan pelajar serta ibubapa dan komuniti.

Amatlah diharapkan agar hasil kajian ini dapat dijadikan panduan ke arah penambahbaikan iklim sekolah yang berkesan secara berterusan bagi menghasilkan kecemerlangan terutama dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling dalam menjalankan tugas utama perkhidmatan kaunseling, berusaha ke arah peningkatan sahsiah pelajar yang mantap, membimbing dan mengenal pasti keperluan pelajar serta memupuk semangat belajar yang tinggi ke dalam jiwa pelajar agar sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan. Dengan demikian, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu baru yang bermakna ke arah melahirkan guru bimbingan dan kaunseling yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi dan sentiasa berusaha bagi meningkatkan keberhasilan pendidikan negara.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjong Malim: Quatum Books.
- Ahmad Zabidi Abd. Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3 – 19.
- Allinder, R.M. (1995). *An Examination Of The Relationship Between Teacher Efficacy And Curriculum-Based Measurement And Student Achievement*. Remedial And Special Education, Vol.16:p247-254.
- Andi Audryanah. (2007). *Kepimpinan Pengajaran Dan Efikasi Kendiri Pengetua Sekolah Menengah dan hubungannya dengan Pencapaian Akademik sekolah*. Unpublished master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azizi & Nurfaizah. (2011). Hubungan Antara Budaya Formal Sekolah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 78-112.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1993). *Perceived Self-Efficacy In Cognitive Development And Functioning*. Educational Psychologist: Vol. 28(2):p117-148.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise Of Control*. New York: W.H. Freeman

- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cohen, J., McCabe, E. M., Michelli, N. M., & Pickeral, T. (2009). School climate: Research, policy, practice, and teacher education. *TeachersCollege Record*, 111, 180–213.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan Dan Analisis Data SPSS*. Sintok. UUM Press.
- Freiberg, H. J. (1998). Measuring school climate: Let me count the ways. *Educational Leadership*, 56(1), 22-26.
- Griffith, J., Steptoe, A., & Cropley, M. (1999). An investigation of coping strategies associated with job stress in teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 69, 517–531.
- Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (1991). *Educational administration: Theory, research and practice*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Hoy, W. K., & Sabo, D. (1998). *Quality middle schools: Open and healthy*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Hoy, W. K., & Woolfolk, A. E. (1993). *Socialization Of Student Teachers*. American Educational Research Journal. Vol. 27:p279-300.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan sekolah*. (2nd Ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, B., Stevens, J. J., & Zvoch, K. (2007). Teachers' perceptions of school climate. A validity study of scores from the revised school level environment questionnaire. *Educational & Psychological Measurement*, 67(5), 833 – 844.
- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khalid Johari. (2009). Pola Efikasi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*. Vol. 6: p141-151.
- Khalid, J., Zuraidda, I., Shuki, O & Ahmad Tajuddin, O. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru Dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Jil.34(2):p3-14.
- Krejcie, R. V., & Morgan D. W. (1970). Determining sample size for research. *Education and psychological measurement*, 30, 607 – 610.
- Mohd Kamal Hassan. (2011). Pendidikan Yang Membentuk Sahsiah Bangsa Dan Proses Islamisasi. Kertas Kerja Kongres Pendidikan Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Faizal A. Ghani. (2008). *Pembentukan Model Keberkesanan dan Penambahbaikan Sekolah*. Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang, Selangor Penerbit UPM Press.
- Page, A. S. (2002). The organizational health of high schools and students proficiency in mathematics. *The International Journal of Educational Management*, 16(2).
- Pajares, F. (2002). Overview of Sosial Cognitive Theory And Self Efficacy. Diperoleh Julai 20, 2016 daripada <http://www.emory.edu?EDUCATION/mfp/eff.html>.
- Pashardis, G. (2000). School climate in elementary and secondary schools: View of cypriot principals and teachers. *The International Journal of Educational Management*, 14(5).
- Rafisah Osman. (2009). *Hubungan Kualiti Penyelidikan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Komitmen dan Efikasi Guru*. Tesis Dr Falsafah, Fakulti Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.



- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach* (Ed. Ke-3.). New York: Wiley and Sons, Inc.
- Stajkovic, A. D., & Luthan, F. (1988). Self efficacy and work-related performance: a meta analysis. *Psychological Bulletin*, 124, 240-261.
- Taylor, D. L., & Tashakkori, A. (1995). Decision participation and school climate as predictors of job satisfaction and teacher's sense of efficacy. *Journal of Experimental Education*, 63(3), 217-227.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W, & Hoy, W. K. (1998). *Teacher Efficacy: Its Meaning And Measure*. Review Of Educational Research. Vol. 68:p202-248.
- Turan S 1998. *A Study of Organizational Commitment in Human Organizations*. PhD Thesis, Unpublished. Ohio: The Ohio University
- Woolfolk, A. E., & Hoy, W. K. (1990). Prospective Teachers' Sense Of Efficacy And Beliefs About Control. *Journal Of Educational Psychology*. Vol. 82:p81-91.
- Yin Cheong Cheng. (1996). School effectiveness and school – based management. New York: *The Palmer Press*.
- Zikmund, W. (2003). *Business research method*. Ed. ke-7. Ohio : Thomson Learning.

